

**Muhyiddin Akan Hadiri Persidangan Dialog Kerjasama Asia Di Kuwait**  
**Mstar Online**  
**14 Oktober, 2012**

**PETALING JAYA:** Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin akan mengetuai delegasi Dialog Kerjasama Asia (ACD) Sidang Kemuncak di Kuwait pada Isnin.

Dialog dijangka bagi membentuk hala tuju dan mengemudi Asia menjadi pusat pertumbuhan global yang baru.

Ini adalah kali pertama ACD mengadakan sidang kemuncak sejak mesyuarat pertama diadakan di Cha-Am, Thailand pada tahun 2002 yang membuka jalan bagi kerjasama Asia-Arab.

Pada mulanya, ia telah ditubuhkan dengan tujuan jangka panjang untuk membawa kumpulan itu ke dalam bidang politik dan ekonomi, sama seperti Kesatuan Eropah dan Kesatuan Afrika.

Orang kaya minyak di negara Teluk, Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah akan membuat pembukaan Sidang Kemuncak ACD pada Selasa.

Antara pemimpin-pemimpin Asia yang telah mengesahkan kehadiran mereka ialah Perdana Menteri Thailand Yingluck Shinawatra, Presiden Iran Mahmoud Ahmadinejad, Presiden Sri Lanka, Mahinda Rajapaksa, Presiden Bangladesh Zillur Rahman dan beberapa pemimpin Teluk.

Tuan rumah, Kuwait berharap Sidang Kemuncak itu akan membuka jalan bagi era baru kerjasama di kalangan negara-negara Asia yang menyumbang lebih separuh penduduk dunia, terutamanya dalam aspek kewangan, pertanian, keselamatan makanan, tenaga, kesihatan, perindustrian dan bencana alam.

Beberapa cadangan untuk mewujudkan visi yang jelas dalam memempuh cabaran yang muncul dan memajukan ekonomi di rantau ini akan dibincangkan.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/10/14/mstar\\_berita/20121014153035&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/10/14/mstar_berita/20121014153035&sec=mstar_berita)